

# Jadikan aduan rakyat keutamaan kerja

SETELAH empat nyawa menjadi korban dalam tragedi di Kampung Pasir, Hulu Klang baru-baru ini, pihak media terus menerajui usaha membongkar dan mengetengahkan permasalahan rakyat.

Kita pasti tidak pernah melupakan keghairahan orang kita terutamanya mereka yang memegang kuasa dan tanggungjawab berbahas apabila berlakunya sesuatu musibah.

Segala bidang kuasa dan peraturan dikeluarkan untuk menjelaskan kenapa musibah itu berlaku.

Nampaknya cara kita bekerja tidak menampakkan perubahan ketara. Kita masih galak berbicara tentang peraturan, akta dan undang-undang selepas nyawa rakyat menjadi korban.

Bila ada nyawa yang hilang, ramai pantas bangun untuk memberi respons, bercakap dan memberi pendapat serta andaian. Sayangnya, mereka bercakap mengenai sesuatu yang telah berlaku bukannya merangka cakapan itu untuk rujukan di masa depan.

Kita beruntung mempunyai pasukan media yang amat prihatin dan bertanggungjawab dalam kerjanya. Mereka bukan saja sekadar menjadi tukang lapor tetapi

bijak bertindak sebagai penyiasat yang menyelongkar permasalahan rakyat.

Rakyat puas hati bila pihak media bertindak cepat membawa sesuatu aduan itu ke pengetahuan pihak berkuasa.

Tragedi di Kampung Pasir baru-baru ini bukan kali pertama kali berlaku. Kira-kira 13 tahun lalu, Highland Towers menyembah bumi dan mengorbankan 48 orang mangsa. Puncanya tidak jauh beza dengan apa yang berlaku di Kampung Pasir. Ketika itu, ramai sekali individu yang tampil bercakap dan mempersoalkan bagaimana pihak berkuasa tempatan (PBT) meluluskan projek di kawasan bukit yang sudah tentu berisiko tinggi. Betapa sibuknya PBT membuka peraturan dan menyemaknya.

Malah dengan cepat pula dapat merangka peraturan, akta serta undang-undang baru mengenai projek di kawasan berbukit dan tanah tinggi. Perbahasan mengenai tragedi itu bukan saja kedengaran di kedai-kedai kopi tetapi lantang disuarakan di Parlimen. Tetapi apa jawapan yang rakyat dapat?

Hari ini suara-suara sama kedengaran lagi. Dalam masa yang sama bukit terus digondol dan ditarah. Kawasan hijau yang

begitu sedap mata memandang diubah warnanya sehingga tidak teringin untuk melihatnya. Ke mana perginya peraturan, akta dan undang-undang mengenai projek di kawasan tanah tinggi yang begitu bergaya diluluskan di Parlimen.

Sedangkan pada waktu yang sama ramai individu bergelar jutawan atas kerja-kerja haram menarah bukit dan mengerjakan projek-projek besar di lereng bukit.

Jangan sampai rakyat membuat kesimpulan mudah mengaitkan PBT yang terlibat amat mesra rasuah. Mereka tidak langsung menghormati saranan dan nasihat Perdana Menteri yang mahu menghapuskan gejala itu di kalangan rakyat.

Di sini ada unsur mementingkan diri sendiri dari kepentingan umum. Apa yang diutamakan ialah poket dapat dipenuhi. Tentang nyawa yang bakal hilang bukan masanya untuk difikirkan.

Dalam hal ini, pihak berkuasa perlu mendahulukan aduan rakyat dalam agenda kerja mereka. Apabila rakyat tampil membuat aduan bermakna ada sesuatu yang dibimbangi mereka. Kita faham orang ramai bukannya berminat untuk naik turun ke pejabat pihak berkuasa tanpa ada urusan penting. Hal ini perlu

disadari dan dijadikan keutamaan ketua-ketua jabatan ketika merangka pelan tugas untuk harian, mingguan, bulanan malah untuk setahun.

Jika setiap aduan rakyat diperhatikan secara terhormat maka rakyat akan melewatkan kepercayaan yang tinggi terhadap jabatan berkenaan. Malah jabatan terbabit akan dilabelkan sebagai agensi yang cemerlang dan mesra rakyat.

Jangan menunggu sesuatu permasalahan rakyat ditimbulkan oleh pihak lain. Unit pemantauan perlu proaktif dalam kerja-kerja pengesanan kepincangan perkhidmatan yang disediakan.

Apabila media terlebih dahulu mencium kepincangan yang melibatkan jabatan kerajaan, sekali gus masyarakat akan menganggap agensi terbabit gagal dalam kerjanya. Bila gagal sesuatu tindakan perlu dibuat untuk mengelakkan kegagalan lain yang lebih besar. Bukan hanya sekadar berbalas kenyataan di dada media kerana rakyat sudah bosan melihatnya.

**- ABDUL SAMAD ABDUL HAKIM,  
Pendang,  
Kedah.**